

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 2 FEBUARI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MPI, MOA TAWAR LATIHAN SEKTOR KOMODITI, PERTANIAN, MPOB, BH -2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2. 3. 4. 5. 6.	FAMA LANCAR PROGRAM JUALAN JIMAT BELANJA UNTUK TAHUN BAHARU CINA, NEWS, BERNAMA -4 FAMA, LKIM PEDULI KUASA BELI RAKYAT, NEGARA, KOSMO -15 'MEREKA GUNA TAKTIK KOTOR', SINAR XTRA, SH -35 SEPERTI KEBAL UNDANG – UNDANG, SINAR XTRA, SH -35 FAMA PANTAU IKUT GPL, SINAR XTRA, SH -35	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7. 8. 9. 10. 11. 12.	TOLONG POTONG KUCING, SETEMPAT, HM -14 JPV SIASAT 'BURUAN', SETEMPAT, HM -15 ECAH LAMPIN PAKAI BUANG, SETEMPAT, HM -16 HILANG TEKATAN LIHAT TELATAH ECAH, INSPIRASI, BH -14 LOCAL PORK IS DISEASE – FREE AND TASTIER, NATION, KWONG WAH YIT POH -A7 ADOPTING STRAY DOGS CAN BE BURDENING, NATION, CHINA PRESS -A17	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
13. 14. 15. 16.	SARAWAK BAKAL JADI HAB TERBESAR NANAS NEGARA, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -E1 SARAWAK POISED TO BECOME PREMIUM PINEAPPLE HUB, NEWS, KL SCREENER -10 SARAWAK POISED TO BECOME MALAYSIA'S LARGEST PREMIUM PINEAPPLE HUB, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -10 PINEAPPLE PRODUCTION IS INSUFFICIENT FOR EXPORT, NATION, CHINA PRESS -A8	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
17.	KEBAIKAN INDUSTRI SAWIT MAMPAN, MPOB, BH -11	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

2/2/2019

BERITA
HARIAN

MPOB

2



Teresa Kok mendengar taklimat berkaitan kursus anjuran MPI dan MOA di Bangi.

MPI, MOA tawar latihan sektor komoditi, pertanian

➔ Gandingan IMPAC, NGO dan swasta pacu pemodenan modal insan

Oleh **Mohd Solah Deraman**
solah@mpob.gov.my

► Bangi

Angensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) disaran bekerjasama dalam memberi latihan kepada kumpulan sasar serta mewujudkan platform bagi pendedahan berkaitan kursus yang ditawarkan oleh Kementerian Industri Utama (MPI) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Saranan berkenaan disuarakan, Menteri Industri Utama, Teresa Kok ketika sesi taklimat mengenai kursus anjuran MPI dan MOA di ibu pejabat, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di sini, baru-baru ini.

Teresa berkata, kerjasama kerajaan dengan pihak NGO adalah antara langkah bagi memastikan kumpulan sasar memahami kursus ditawarkan dan maklumat dapat disampaikan kepada semua lapisan masyarakat khususnya penduduk luar bandar.

"Sektor agrikomoditi adalah

antara penyumbang utama kepada ekonomi negara. Bagi tempoh Januari hingga November 2018, sektor komoditi mencatatkan nilai eksport berjumlah RM117.9 bilion atau 12.9% daripada jumlah eksport barangan Malaysia. "Banyak cabaran yang perlu dihadapi sektor agrikomoditi terutama keperluan tenaga kerja," katanya.

Beliau berkata, dalam hal ini, Kerajaan melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan pembangunan modal insan selaras dengan tonggak keempat dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu Memperkasa Modal Insan.

Katanya, pada peringkat Kementerian, Dasar Komoditi Negara (DKN) yang diwujudkan bagi tempoh 2011 hingga 2020 turut menekankan mengenai pembangunan dan pemerkasaan modal insan yang akan memberi fokus pada peningkatan tenaga kerja mahir serta separa mahir untuk memacu pemodenan dan daya saing sektor komoditi.

Selaras semua aktiviti

Program taklimat itu bertujuan memberi penerangan dan pendedahan kepada NGO, kolej awam serta swasta mengenai kursus berkaitan sektor agrikomoditi yang ditawarkan MPI dan MOA.

Taklimat turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan Strategik dan Pengurusan MPI, Toisin Gantor, Pengerusi Pemegang Amanah Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) me-



Kerajaan melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan pembangunan modal insan selaras dengan tonggak keempat dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu Memperkasa Modal Insan"

Teresa Kok,
Menteri Industri Utama

rangkap Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Ahmad Kushairi Din dan ketua agensi di bawah MPI.

Teresa turut berkata, bagi merealisasikan pembangunan modal insan, Kementerian menubuhkan IMPAC berperanan sebagai pusat setempat dan badan peneraju sektor komoditi bagi melatih warga belia tempatan yang berpengetahuan dan berkemahiran.

Pada masa sama, menyelaras semua aktiviti latihan yang dilaksanakan oleh enam agensi di bawah MPI iaitu MPOB, Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (MPB) dan Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara (LKTN).

Program taklimat kursus yang ditawarkan di bawah MPI disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif IMPAC, Mohd Solah Deraman manakala Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP), Dr Tariq Jaafar, memberi taklimat program latihan anjuran MOA.

**Fakta
nombor**

6 AGENSI MPI

tawar latihan dan kursus perkasa modal insan sektor agrikomoditi

Headline	FAMA lancar program Jualan Jimat Belanja untuk Tahun Baharu Cina		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	02 Feb 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

FAMA lancar program Jualan Jimat Belanja untuk Tahun Baharu Cina

KOTA BHARU, 1 Feb (Bernama) -- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) buat julung kali melancarkan Jualan Jimat Belanja Tahun Baharu Cina bermula 31 Jan sehingga 4 Feb ini. Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN), Kementerian Pertanian dan ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/2/2019	KOSMO	NEGARA	15

FAMA, LKIM peduli kuasa beli rakyat

SEBERANG PERAI – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menawarkan hasil pertanian serta perikanan pada harga lebih murah berbanding pasaran menerusi program Bazar Peduli Rakyat.

Pengerusi FAMA, Ishak Ismail berkata, program itu merupakan anjakan daripada program *My Best Buy* yang dianjurkan pihaknya sebelum ini sebagai tanda kepedulian kerajaan dalam membantu meringankan beban rakyat.

“Barangan yang disediakan adalah terus dari ladang dan pusat pendaratan ikan supaya ia diperoleh dengan mudah serta jauh lebih murah berbanding harga di pasar awam iaitu antara 5 hingga 20 peratus.

“Program ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kuasa beli rakyat terutamanya bagi hasil pertanian dan perikanan,” katanya kepada pemberita di Bukit Mertajam di sini semalam.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Bazar Peduli Rakyat @ Kampung Pelet yang disempurnakan oleh Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil.

Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak.

Ishak berkata, pihaknya menyasarkan hasil jualan mencecah RM16 juta menerusi program berkenaan di seluruh negeri dengan satu juta pengunjung.

“Sebagai permulaan, kami memilih negeri ini dan menyenaraikan sebanyak 60 lokasi di Pulau Pinang bagi program tersebut sepanjang tahun ini supaya ia memberi impak yang menyeluruh.

“Program ini juga akan diperluaskan ke seluruh negara pada masa akan datang selain turut melibatkan kerjasama dengan LKIM dan agensi-agensi lain,” katanya.

'MEREKA GUNA TAKTIK KOTOR'

Pekebun sayur warga asing teroka tanah kebun besar-besaran

Kehadiran warga asing memonopoli tanah sektor pertanian di Kampung Johan Setia, Klang menimbulkan rasa kurang senang pekebun tempatan hingga menimbulkan persaingan kurang sihat.

Rata-rata pekebun ditemui melahirkan kebimbangan apabila pendapatan mereka hasil jualan sayur kini semakin merudum kerana ramai warga asing meneroka tanah kebun.

Pekebun, Norhisham Rozali, 37, berkata, masalah itu semakin serius sejak dua tahun kebelakangan ini.

"Sekarang ini makin ramai warga asing yang teroka tanah kebun di kawasan ini, rasanya lebih 100 orang. Bayangkan kalau seorang teroka enam ekar (2.4 hektar) tanah, kalau 100 orang dah lebih 200 hektar," katanya.

Menurutnya, pekebun warga

asing mendakwa tanah diusahakan itu milik mereka selepas melalui urusan dengan 'orang tengah'.

"Bila kita tanya, mereka kata dah beli dengan pemilik asal dengan harga RM20,000 hingga RM30,000 bagi satu hektar tanah melalui 'orang tengah'.

"Kita pelik macam mana perkara ini boleh berlaku dan disebabkan perbuatan 'orang tengah' inilah, pekebun tempatan terpaksa menanggung kerugian," katanya.

Katanya, pekebun tempatan terpaksa bersaing dengan warga asing apabila mereka bertumba-lumba membuka kebun sayur

hingga menyebabkan berlaku lambakan sayur-sayuran.

"Mereka akan main 'taktik kotor' dengan menawarkan harga lebih murah berbanding pekebun tempatan. Disebabkan itu, kami rugi sebab terpaksa jual dengan harga lebih murah dari kos sebenar.

"Lebih malang bila pemborong juga 'orang-orang' mereka dan mereka akan 'deal' sesama sendiri dan tentukan harga," katanya.

Mohd Kamsiri Sarip, 41, pula mendakwa, pekebun warga asing meneroka tanah di kawasan tersebut secara haram.

"Bila tengok ada tanah kosong, mereka mula membakar semak samun dan menggembur tanah di kawasan itu untuk dijadikan kebun sayur.

"Mereka akan tanam tanaman yang cepat mengeluarkan hasil seperti kangkung, sawi, timun dan petola sama seperti pekebun tempatan. Ini sekali gus menyebabkan lambakan sayur di pasaran," katanya.

Katanya, pekebun tempatan terpaksa menanggung kerugian apabila pasar borong juga turut dikuasai warga asing.

"Pemborong sayur juga dikuasai oleh warga asing dan mereka ini akan membeli sayur-sayuran daripada bangsa mereka sendiri dengan harga lebih murah walaupun sayur berkenaan tidak mempunyai kualiti.

"Jadi yang jadi mangsa adalah



Warga asing meneroka tanah untuk dijadikan kebun sayur.

pekebun tempatan kerana terpaksa menjual dengan harga yang ditawarkan walaupun sayur kita gred A, lebih berkualiti dan segar.

"Sebagai contoh kita tawarkan harga petola RM3 sekilo tapi pekebun warga asing ini akan tawarkan harga RM2.50. Sudah tentu pemborong akan ambil sayur mereka dan nak tak nak kita terpaksa tolak dengan harga sama," katanya.

Shaidin Maarif, 57, berkata, dia terpaksa menanggung kerugian apabila tanaman diusahakan terpaksa dijual dengan harga lebih

murah.

"Kita pula yang terpaksa bersaing dengan mereka sedangkan mereka hanya pendatang di sini.

"Kadang-kadang rasa tak balik modal sebab kita guna racun dan baja yang berkualiti untuk hasilkan sayur-sayuran berkualiti tinggi. Itu belum termasuk upah pekerja lagi," katanya.

Katanya, sayur-sayuran diusahakan warga asing belum tentu selamat untuk dimakan.

Justeru, dia berharap agar pihak berkaitan dapat mengambil tindakan sewajarnya.



SHAHIDIN



Warga asing didakwa meneroka tanah untuk dijadikan kebun sayur.

SEPERTI KEBAL UNDANG-UNDANG

PENGERUSI Persatuan Pertanian Bersatu Johan Setia, Nurinisa Pamela Abdullah berkata, masalah diusahakan pekebun sayur tempatan itu sudah lama diajukan kepada pihak berkenaan, namun sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil.

"Selagi ada 'orang tengah' ini, masalah ini tidak akan selesai dan semakin berleluasa.

"Kita dah buat laporan kepada

pihak berkaitan, namun tiada tindakan diambil," katanya.

Kata beliau, kini banyak tanah kosong di kawasan kampung terbabit diterokai warga asing.

"Malah ada segelintir mereka juga turut membuka gerai menjual sayur-sayuran di tepi-tepi jalan.

"Kita hairan mereka ini seolah-olah 'kebal' dengan undang-undang. Oleh itu, kami amat berharap agar pihak berkenaan 'buka mata' dengan masalah ini dan ambil tindakan sewajarnya," katanya.

FAMA PANTAU IKUT GPL

LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) tidak berkuasa untuk mengambil sebarang tindakan ke atas peniaga warga asing yang didakwa mengawal harga sayur di pasar borong sehingga menjejaskan peniaga tempatan.

Pengarah Bahagian Regulatori Fama, Sabri Naseh berkata, lesen berniaga dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan segala bentuk penguatkuasaan terhadap peniaga warga asing adalah di bawah bidang kuasa pihak berkenaan.

Beliau berkata, Fama hanya memantau outlet-outlet di bawah seliaan berpanduan peraturan pengedaran, pembungkusan

dan pelabelan (GPL) terhadap komoditi sayuran dan buah-buahan.

Menurutnya, ia meliputi kawalan serta pemantauan di outlet Fama seluruh Malaysia seperti di Agro Bazaar, kedai rakyat, pasar tani serta pasar tani kekal.

"Jika peraturan ini tidak digunapakai, Fama akan mengambil tindakan di bawah Peraturan - Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pengedaran, Pembungkusan Dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008.

"Oleh itu, kita tidak

bertanggungjawab untuk mengawal harga barangan di pasar awam mahupun pasar borong kerana peranan Fama hanya tertakluk kepada penguatkuasaan GPL," katanya ketika dihubungi Sinar Harian.

Dalam pada itu, Sabri berkata, Fama turut berkolaborasi dengan agensi lain dalam penguatkuasaan bersepadu secara NBOS bersama Kementerian / jabatan penguatkuasaan lain seperti Kementerian

Perdagangan Dan Hal Ehwal Dalam Negeri (KPDNHEP), Imigresen, PBT dan banyak lagi selain pemantauan berkala.



14

setempat

02-02-2019

TOLONG POTONG KUCING

■ **Permintaan warga asing buru si bulus buat peniaga pasar terkejut**

Shamsul Munir Safinishamsul
munir@hmetro.com.my

Butterworth

Terketar-ketar tangan saya mendengar permintaan seorang lelaki warga Vietnam yang meminta menyembelih seekor kucing untuknya bagi tujuannya dibuat lauk," kata seorang peniaga daging dikenali sebagai Mamat, 20, selepas diminta seorang lelaki warga asing menyembelih seekor kucing ketika sedang berniaga di Pasar Awam Seberang Jaya di sini, bulan lalu.

Kejadian menimpa Mamat itu adalah sebahagian daripada dakwaan penduduk di sekitar Seberang Jaya yang menyaksikan sendiri bagaimana seorang lelaki warga asing yang bekerja dan tinggal di kawasan itu memburu kucing dan anjing bagi dijadikan juadah.

Mamat berkata, kejadian itu berlaku ketika dia sedang membantu bapanya menjual daging di pasar berkenaan.

"Masa itu kira-kira jam 10 pagi apabila saya ternampak seorang lelaki warga Vietnam

datang ke meja jualan kami sambil memegang seekor kucing di tangannya.

"Lelaki itu menghampiri saya dan bertanya sama ada saya boleh menyembelih kucing untuk dijadikan lauk," katanya.

Menurutnya, ketika itu, dia terkejut dengan permintaan berkenaan dan menyangka lelaki itu hanya jenaka.

"Saya menolaknya, tetapi lelaki terbabit menawarkan sejumlah wang jika saya sanggup menyembelih kucing itu.

"Saya kemudian merampas kucing dibawa lelaki itu dan memintanya untuk tidak lagi datang ke pasar itu," katanya.

Mamat berkata, lelaki

itu terus beredar dan dia mengambil kucing berkenaan sebelum membawanya pulang ke rumah.

Seorang pencinta haiwan yang sering memberi makan kucing terbiar di pasar itu, Irene Boey Poh Im, 61, berkata, dia tahu jumlah kucing itu kerana setiap hari, lebih tiga jam dia meluangkan masa memberi makan dan merawat kucing yang sakit di pasar ini.

"Setiap hari akan ada jumlah kucing yang bertambah dan kini jumlahnya semakin berkurangan dengan mendadak dan saya bimbang binatang peliharaan ini ditangkap dan dimakan warga asing," katanya.

Menurutnya, dalam

tempoh itu, dia ada menerima aduan daripada peniaga yang melihat beberapa individu warga asing datang ke kawasan berkenaan dan bermain dengan kucing di situ. "Sejak itu saya melihat jumlah kucing di sini, semakin berkurangan sekitar 20 ekor sahaja berbanding sebelum ini yang mana jumlahnya lebih banyak.

"Kawasan pasar ini memang menjadi tempat orang ramai membuang kucing terbiar atau yang berpenyakit," katanya.

Irene berkata, dia akan membawa satu kilogram makanan kucing setiap hari untuk diberi kepada kucing-kucing itu.

"Kosnya hanya RM7 dan saya juga akan datang pada waktu malam bagi memeriksa kucing-kucing ini.

"Saya tidak meminta apa-apa daripada orang ramai, cuma mahu mereka lebih bertanggung rasa sebelum membuang kucing di kawasan ini," katanya.

Menurut Irene, nasib kucing di sini sangat menyedihkan, dengan keadaan berpenyakit, mereka juga terdedah dcederakan anjing selain yang paling menakutkan diburu manusia sendiri.

"Ini bukan pertama kali saya mendapat tahu perkara menyedihkan ini (makan kucing), malah sebelum ini

IRENE membelanjakan RM7 setiap hari untuk membeli makanan untuk kucing liar di kawasan Pasar Seberang Jaya.

“

Setiap hari akan ada jumlah kucing yang bertambah dan kini jumlahnya semakin berkurangan dengan mendadak dan saya bimbang binatang peliharaan ini ditangkap dan dimakan warga asing”

Irene



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/2/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	15

HARIAN METRO

ketika saya terlibat dalam kumpulan aktivis melindungi anjing, ada juga saya menerima berita mengenai warga asing yang memburu dan memakan anjing.

"Ketika itu, kawasan yang sering dijadikan tempat warga asing ini memburu anjing adalah di Taman Inderawasih, Taman Arowana dan kawasan sekitar Butterworth," katanya yang terlibat dalam beberapa persatuan pencinta haiwan di negeri ini.

Menurutnya, dia ada mendapat tawaran bantuan daripada beberapa persatuan bagi memindahkan kucing-kucing di sini ke pusat penjagaan yang lebih sempurna, namun haiwan ini perlu dirawat terlebih dahulu kerana bimbang ia akan menjangkiti yang lain.

Katanya, dia sudah menyalurkan maklumat ini kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri bagi diambil tindakan dan berharap ia dapat diselesaikan dengan segera.



IRENE seorang pencinta haiwan meluangkan masa lebih tiga jam setiap hari memberi makan dan merawat kucing liar.



JPV siasat 'buruan'

Butterworth: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) meminta orang ramai yang mengetahui mengenai kegiatan memburu kucing untuk dijadikan lauk agar mengubungi pihaknya.

Pengarah JPV negeri, Dr Anun Man berkata, pihaknya mengalu-alukan maklumat dan aduan daripada orang ramai mengenai kekejaman yang dilakukan kepada haiwan dan dalam hal membabitkan kucing.

"Kami ada menerima beberapa laporan kejadian membabitkan penganiayaan binatang dan ada yang sudah diambil tindakan mengikut undang-undang yang dikhaskan.

"Tindakan pemantauan telah dilakukan di lokasi kejadian berdasarkan beberapa aduan yang diterima berkenaan isu warga

asing menangkap anjing dan kucing liar untuk dijadikan makanan," katanya.

Namun menurut beliau, pihaknya tidak mengesan aktiviti itu dan JPV akan terus memantau dari masa ke semasa berhubung isu ini dan akan bekerjasama penuh dengan pihak pengadu bagi mengesan mereka yang terbabit," katanya.

Beliau berkata, siasatan lanjut akan dijalankan mengikut Seksyen 29(1) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang boleh membawa hukuman denda minimum RM20,000 atau maksimum RM100,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Katanya, jika orang ramai atau saksi melihat perkara sedemikian, mereka boleh mengambil foto dan video tentang aktiviti itu sebelum melaporkannya kepada JPV bagi diambil tindakan.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr Afif Bahardin berkata, perkara ini adalah sesuatu yang memeranjatkan

dan tidak boleh diterima akal fikiran kita kerana berlaku di negara ini. Beliau berkata, tindakan segera harus diambil dan pihak JPV akan menyiasat perkara ini sedalam dalamnya dan mengambil tindakan susulan.

FAKTA

Tertuduh boleh didenda RM100,000 atau dijel 3 tahun jika sabit kesalahan

ECAH LAMPIN PAKAI BUANG

■ **'Tijah Kambing' layan anak biri-biri berusia setahun setengah seperti zuriat sendiri**

Noor Hidayah Tanzizi
cnews@nstp.com.my

Bota

“Saya menjalani rutin kerja yang ceria setiap hari karena ‘jiwa’ ada di kandang kambing, malah lebih menggembarakan apabila ditemani Ecah,” kata Nor Hotijah Shabbudin, 33.

Ecah, anak biri-biri yang berusia setahun setengah adalah ternakan paling disayangi, manja serta menghiburkan hati

Malah, Nor Hotijah melayanai haiwan itu seperti anak sendiri, membawanya meronda dengan motosikal selain turut dipakaikan lampin pakai buang jika dibawa pulang ke rumah.

Nor Hotijah ternyata memberi inspirasi kerana walaupun hanya berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dia membuktikan wanita mampu menjadi usahawan berjaya dalam bidang penternakan selain turut mengusahakan tanaman jagung.

Dia menceburi bidang penternakan kambing dan biri-biri melalui projek Integrasi Tanaman-Ternakan dan Pusat Pemprosesan Silaj di Kompleks Pertanian Titi Gantang yang fokus kepada pemprosesan makanan kambing iaitu silaj yang dihasilkan daripada batang jagung.

Menurutnya, kini dia mempunyai 115 kambing daripada jenis kampung, Jamnapari, Anglo Nubian dan Boer Cross serta 19 biri-biri yang dibelanya sejak dua tahun lalu.

"Saya anggap haiwan ini sebagai terapi diri kerana ia dapat memberikan ketenangan dan menghilangkan tekanan terutama melihat Ecah, biri-biri yang saya jaga sejak berusia empat hari.

"Ecah dilayan seperti anak, di-beri minum menggunakan botol dan diba-wa meronda dengan moto-sikal, malah saya pernah bawa dia ulang ke rumah & dimandikan.

"Jika di rumah saya pakai lampin pakai buang kerana haiwan itu kerap buang najis.

"Ecah boleh dianggap sebagai penyambut tetamu di kandang ini dan saya tidak akan menjualnya kerana dia istimewa," katanya yang mengeluarkan modal pertama sebanyak RM3,800 bagi



NOR Hotijah membelai Ecah yang dipeliharanya sejak berusia empat hari.

memulakan aktiviti itu.

Nor Hotijah berkata, selain keluarga dan rakan yang sentiasa menyokongnya, dia mendapat bantuan daripada Jabatan Pertanian.

Dia mahu membuktikan kaum wanita juga boleh berjaya dalam bidang penterbangan, sama seperti lelaki.

Disebabkan terlalu minat dengan haiwan ternakan, Nor Hotijah sanggup menghabiskan masa di kandang untuk belajar dan mengenali haiwan itu sehingga ada yang mengatakan dia mem-

buang masa.

"Saya tak ambil kisah apa orang nak cakap kerana hasilnya kita juga yang dapat, lagi pun pertanian dan ternakan memang minat saya sehingga ada rakan mengusik saya dengan menggelarkan saya 'Tijah Kambing'.

"Projek ini diusahakan bersama dua rakan, tetapi urusan di kandang saya kendalikan sepenuhnya.

"Saya memulakan kerja seawal jam 7.30 pagi bagi memastikan haiwan peliharaan dijaga sebaiknya," ka-

tanya yang dibantu pekerja.

Katanya, mereka memproses silaj yang dihasilkan daripada batang jagung yang dicampur dengan molases (gula merah) sebelum diperam.

"Batang jagung dari ladang kami dibawa ke sini, kemudian diproses untuk dijadikan silaj. Selain batang jagung segar, ternakan di sini juga diberi makan silaj.

"Silaj boleh tahan sehingga enam bulan dan kaedah penyimpanannya perlu betul. Setakat ini pasarannya se-

kitar negeri ini dan Kedah dengan pengeluaran sebulan disasarkan 20 tan metrik," katanya yang turut menghasilkan baja organik proses dan susu kambing.

Pegawai Pertanian Bahagian Pembangunan Industri Tanaman Jabatan Pertanian Siti Ruhaida Che Ani berkata, tapak untuk pusat pemprosesan silaj dan haiwan ternakan itu diangap sebagai testimoni kejayaan penterbangan dan tarikan baharu untuk projek agro pelancongan di Perak.

FAKTA

**Ecah, anak biri-biri
yang paling disayangi,
manja serta
menghiburkan
hati**

P13-14

JEDAH, 2 FEBRUARI 2019 1311
[FOTO NOOR HIDAYAH TANZILI / BH]

→INSPIRASI

Hilang tekanan lihat telatah Ecah

➔ Nor Hotijah
buktikan wanita
mampu
bersaing dalam
bidang
penterbangan

Oleh Noor Hidayah Tanzili
cnews@nstp.com.my

► Bota

"Saya menjalani rutin kerja yang ceria setiap hari kerana 'jiwa' di kandang kambing, malah lebih mengembirakan apabila ditemani Ecah," kata Nor Hotijah Shahbudin, 33.

Ecah, anak biri-biri yang kini berusia setahun setengah ternakan paling disayangi, cukup manja serta menghiburkan hati.

Malah, Nor Hotijah melayan haiwan itu seperti anak sendiri, membawanya meronda dengan motosikal, selain turut dipakaikan lampin pakai buang jika dibawa pulang ke rumah.

Walaupun hanya berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), beliau membuktikan wanita juga mampu menjadi usahawan berjaya bukan

sahaja dalam bidang penterbangan, malah dalam tanaman jagung.

Beliau menceburi bidang penterbangan kambing dan biri-biri menerusi projek Integrasi Tanaman Ternakan dan Pusat Pemprosesan Silaj di Kompleks Pertanian Titi Gantong yang fokus kepada pemprosesan makanan kambing iaitu silaj yang dihasilkan daripada batang jagung.

Katanya, sehingga kini beliau sudah mempunyai 115 kambing daripada jenis kampung, Jamnapari, Anglo Nubian dan Boer Cross serta 19 biri-biri yang dibela sejak dua tahun lalu.

Manja dan jinak

"Saya anggap haiwan ini sebagai terapi diri kerana ia dapat memberikan ketenangan dan menghilangkan tekanan, terutama melihat Ecah, biri-biri yang paling manja dan jinak berusia setahun sebulan yang saya jaga sejak berusia empat hari.

"Ecah dilayan seperti anak, diberi minum menggunakan botol dan dibawa meronda dengan motosikal, malah saya pernah bawa biri-biri itu pulang ke rumah untuk memandikannya.

"Jika di rumah saya pakaikan lampin pakai buang kerana haiwan itu kerap buang najis.

"Ecah boleh dianggap sebagai penyambut tetamu di kandang ini dan saya tidak akan menjualnya

kerana ia sangat istimewa," katanya yang mengeluarkan modal pertama sebanyak RM3,800 bagi memulakan aktiviti itu.

Nor Hotijah berkata, selain keluarga dan rakan yang sentiasa menyokongnya, beliau turut mendapat bantuan dan sokongan daripada Jabatan Pertanian serta mahu membuktikan yang golongan wanita juga boleh berjaya dalam bidang itu, sama seperti lelaki.

"Saya tak pernah ambil kisah apa orang nak cakap kerana hasilnya kita juga yang dapat, lagi pun pertanian dan ternakan memang minat saya sehingga ada rakan rapat di sini mengusik saya dengan menggelarkan saya 'Tijah kambing'.

"Projek ini diusahakan bersama dua lagi rakan tetapi urusan di kandang ini diuruskan sepenuhnya oleh saya.

"Saya memulakan kerja seawal jam 7.30 pagi bagi memastikan haiwan peliharaan dijaga dengan sebaiknya," katanya yang masih bujang dan turut dibantu pekerja.

Katanya, mereka memproses silaj yang dihasilkan daripada batang jagung yang dicampur dengan molases (gula merah) sebelum diperam.

"Batang jagung dari ladang kami dibawa ke sini, kemudian diproses untuk dijadikan silaj. Selain batang jagung segar, ternakan di sini juga diberi makan silaj.

"Silaj boleh tahan sehingga enam



Nor Hotijah bersama biri-biri kesayangannya, Ecah di Kompleks Pertanian Titi Gantong, Bota.



Saya tak pernah ambil kisah apa orang nak cakap kerana hasilnya kita juga yang dapat, lagi pun pertanian dan ternakan memang minat saya sehingga ada rakan rapat di sini mengusik saya dengan menggelarkan saya 'Tijah kambing'.

Nor Hotijah Shahbudin

bulan dan kaedah penyimpanannya perlu betul. Setakat ini, pasarnya sekitar negeri ini dan Kedah dengan pengeluaran sebulan disasarkan 20 tan metrik," katanya yang turut menghasilkan baja organik proses dan susu kambing.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Bahagian Pembangunan Industri Tanaman Jabatan Pertanian, Siti Ruhaida Che Ani, berkata tapak berkenaan untuk pusat pemprosesan silaj dan haiwan ternakan itu juga boleh dianggap sebagai testimoni.

Beliau yang juga Pengurus Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TPKM) Titi Gantong, berkata aspek kebersihan sangat diutamakan, malah kandang itu juga dijadikan tarikan baharu.

Headline	Local pork is disease-free and tastier		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	02 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A7	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	416 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,664
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,993



沈志勤：勿带国外猪肉制成品入境 本地猪肉无瘟更好吃

报道 李佳盈

(檳城1日讯)农业及农基副部长沈志勤呼吁，民众勿从国外带入猪肉制成品，以预防非洲猪瘟被带进我国。他鼓励国人购买本地猪肉制品庆祝新年，因为我国猪肉更好吃。

他接受光华日报访问时表示，我国严禁从中国、香港及澳门等地进口猪肉制成品，如肉干、腊肠及午餐肉等，尤其是在农历新年期间，执法人员严格执法，扫描行李，因此民众不要带回猪肉产品，否则不仅被查出后会没收，也拖延了自己的时间。

“民众可以在外国买，在那边吃完，不要带回来，在国内就可以买本地的猪肉制品，这里的更好吃。”

他说，其实当局早在新年前就已经开始执法，但因为许多人不了解，将猪肉产品带入我国，最后遭执法人员没收。

他续说，由于关卡客流量大，执法人员无法判断民众或游客是从哪里带回肉类产品，民众尽量不要将其他国家的肉制品带进我国。

沈志勤日前宣布，禁止从10个国家，即中国、蒙古、比利时、拉脱维亚共和国、罗马尼亚、波



发、沈志勤：右2为张易雄等。立、周慧妮、林松荣、峇迪亚、林星发、郑豪然、慕斯达法卡玛、王康公正党一行向本报拜早年。前排左

兰、匈牙利、摩尔多瓦、乌克兰及非洲乍得进口生猪、冷冻及所有猪肉产品。

根据2011年检疫及检查服务法令，当局有权对违规者采取行动。

该法令第11(1)条文阐明，不可进口未经批准和未获准证的植物、动物、肉类、鱼类、农产品及微生物，而该法令第14条文也阐明，任何人进口具破坏性、疾病及受污染物品，一旦罪成，

将面对罚款不超过10万令吉或监禁不超过6年，或两者兼施；重犯者将面对罚款15万令吉或监禁不超过7年，或两者兼施。

该法令第13条文则阐明，对进出口物品提供虚假、不准或误导性信息者，将会面对罚款不超过5万令吉或监禁不超过2年，或两者兼施；重犯者将面对罚款7万5000令吉或监禁不超过5年，或两者兼施。#

峇迪亚：达成大选宣言 冀与友党建立更友好关系

公正党槟城代主席峇迪亚希望与友党建立更友好的关系，并延续第14届大选气势，达成大选宣言。

他指出，虽然希盟和公正党在大选中获胜，但还是需要努力，为民服务。



峇迪亚（右排3）与党员们和本报管理层交流。

他也说，槟城公正党将于2月9日下午2时，在峇央峇鲁阳光广场四楼礼堂举行新春团拜，欢迎各界人士共襄盛举。

槟公正党向本报拜早年

槟城公正党一行逾20人今早携芦柑向《光华日报》拜早年，获本报署理总经理林星发、执行总编辑林松荣、副总编辑郑豪然、张易雄、副总经理周慧妮接待，进行交流。

出席者尚有公正党议员王康立、李凯伦、古玛、慕斯达法卡玛及槟城妇女组领袖拿督玛丽娜等人。#

Headline	Adopting stray dogs can be burdening		
MediaTitle	China Press		
Date	02 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	233,713
Page No	A17	Readership	1,076,000
Language	Chinese	ArticleSize	972 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,173
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,519



李文材：控制瘋狗症 零流浪狗必要政策
 (怡保1日讯) 卫生部副部长李文材指出，如果要控制疯狗症，零流浪狗是一个必要的政策。
 “其实有一些方式可以控制流浪狗的数量，但首要任务是必须先解决流浪狗的问题。如果流浪狗的数量不减少，那么控制疯狗症将是一个长期的过程。我们必须在源头上解决问题，而不是等到问题已经无法控制时才采取行动。”
 李文材是在接受媒体访问时，就流浪狗问题发表上述看法的。他指出，目前马来西亚的流浪狗数量庞大，这对公共健康和环境卫生构成了威胁。他呼吁政府采取更严格的措施来控制流浪狗的数量，包括绝育和领养计划。
 李文材还提到，一些爱狗人士可能会反对绝育计划，认为这会伤害到流浪狗。但他强调，绝育是控制流浪狗数量的唯一有效方法。他建议爱狗人士应该通过合法的渠道领养流浪狗，而不是随意繁殖。他还呼吁政府增加对流浪狗管理的投入，包括建立更多的收容所和提供绝育服务。
 李文材表示，卫生部将与其他部门合作，制定和实施零流浪狗政策。他相信，通过政府、爱狗人士和公众的共同努力，流浪狗问题可以得到解决。



望政府以结育取代捕杀流浪狗。
 ■罗添权(站者左6起)、刘国南、宋伟钊

(怡保1日讯) 用结育代替捕杀!

怡保防止虐待动物协会(ISPAC)主席宋伟钊指出，卫生部副部长李文材早前要所有非政府组织帮忙，收养所有流浪狗，然后让人领养，这对非政府组织而言非常吃力。

他说，就如怡保防止虐待动物协会，其实都面对人手及资源不足的问题，因狗只的医疗、膳食及费用，都是一个庞大负担。

宋伟钊今早联同马华霹州公共服务及投诉局主任刘国南及一些爱狗人士，在怡保人民公园举行和平请愿，希望政府以结育取代捕杀流浪狗时，如是发言。

义工自掏腰包

他说，在怡保估计有超过2万只流浪狗，而一个庇护所能收养300只流浪狗已经很吃力，试问谁会愿意去收养它们。

“我们都是零资助，当中很多义工都是自掏腰包为流浪狗进行诱捕、绝育及释放计划(TNR)，

宋偉釗：結育代替捕殺

收養流浪狗 負擔重

如果政府有关单位愿意帮忙，我们也会配合。”

他披露，从去年4月开始，该会和怡保市政厅一起合作进行流浪动物节育(T.N.R.M)计划，而从2017年4月到今年1月，该会总共为1500只流浪狗进行上述计划。

“不是说流浪狗就没有人去照顾，因为每一只已进行节育计划的流浪狗，都有监护人照顾，而每一只都有注射晶片，也会做标记。”

他说，文明的社会就应该以文明的方式，来解决流浪狗的问题。

出席者有马华霹州公共服务及投诉局主任刘国南、宗教局主任罗添权，及檳城前进党主席拿督黄家业等。



■黃惠榕(右2)在黃家業(左起)、劉國南、羅添權及宋偉釗陪同下，展示本身曾在2年內為數十只流浪狗進行絕育的照片。

劉國南：應積極推動狗只絕育計劃

马华霹州公共服务服务及投诉局主任刘国南认为，卫生部副部长李文材针对疯狗症及流浪狗问题，指的“零”不代表“没有”，实在令人费解。

他说，虽然副部长说只是“建议和忠告”，当局对在疫区的流浪狗杀无赦，其他的地方就交由各地方政府自行决定采取行动与否，而后最终又将责任推到农业部及兽医局，这明显看到政府各部门并没有完善的政策去应对流浪狗问题。

“最终，或许各部门都选择听取副部长所谓的建议和忠告，这也是很多民众及爱狗组织最不想看到的局面。”

他说，当局应该积极找出问题的根源，再给予防范措施，而不是每次都采取“有杀错没放过”的方案，来应对类似问题。

他建议政府积极推动狗只绝育计划，为它们注射晶片以鉴定主人身份，减少丢失或弃养问题。同时，以实际行动增设庇护所，并资助爱狗组织收养流浪狗，让人领养。



■宋偉釗(右)指出，已进行诱捕、绝育及释放计划(TNR)的流浪狗，体内都会被置入晶片。

冀政府提供資源

★李玄柏(宠物休闲天地代表)

流浪狗的问题不是这样容易解决，希望政府提供多一点资源给非政府组织，来协助减少流浪狗的问题。

很多时候，一户家庭只能饲养一只狗，政府或许可以做出改善，让一户家可领养2只或以上的狗只。

應立即成立委會

★罗添权(马华霹州宗教局主任)

政府应立即成立委员会来处理狂犬症问题，避免引起部分爱护人士不满。

絕育可減少數量

★拿督黃家業(檳城前进党主席)

流浪狗因缺乏照顾的关系，因此其生命或许只有2年到4年，若为流浪狗进行绝育计划，这可减少流浪狗的数量。

檳城也获得政府拨地设立庇护所，因此希望霹政府不要以“有上策没下策”的方式来解决问题。

一次絕育花費140

★黃惠榕(爱狗人士)

在过去2年里，我自掏腰包为数十只流浪狗进行绝育计划，每一次的绝育花费140令吉，这并不包括狗只的医疗及打疫苗的费用。

Headline	Sarawak bakal jadi hab terbesar nanas negara		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	02 Feb 2019	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	662 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,392
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 10,177



TIMBALAN Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas yang juga Menteri Permodenan Pertanian Negeri mengangkat buah nanas ketika merasmikan tuaian pertama nanas berkualiti tinggi MD2 baru-baru ini. Turut sama Menteri Muda Permodenan Pertanian Sarawak Dr Abdul Rahman Ismail (dua, kanan), Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Mohd Khairuzamri M. Salleh (kiri). -- Foto BERNAMA

Sarawak bakal jadi hab terbesar nanas negara

KUCHING: Siapa sangka Sarawak yang menyumbang kepada 98 peratus keseluruhan pengeluaran lada hitam nasional kini melebarkan sayap dan bakal menjadi hab penanaman nanas terbesar di negara ini.

Semuanya bermula dengan projek perintis nanas premium jenis Milie Dilard 2 (MD2) pertama di Sarawak hasil kerjasama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dengan seorang pengusaha tempatan di Kampung Padang Pan di Balingies, Bau dengan tujuan menjadikan ia sebagai model iktan bagi pengusaha lain yang berminat.

Dengan peluang terbuka luas serta sokongan penuh daripada kerajaan negeri terhadap pembangunan industri nanas di Sarawak tidak mustahil Sarawak akan menjadi negeri terbesar pengeluar nanas di negara ini, yang kini menyasarkan peningkatan keluasan tanaman kepada 3,500 hektar pada 2020.

Menurut LPNM, keluasan tanaman nanas di negeri ini pada 2017 adalah seluas 1,342 hektar dengan jum-

lah pengeluaran 38,025 tan membabitkan nilai pengeluaran RM48.22 juta.

Penanaman nanas di Sarawak adalah yang kedua terbesar selepas Johor, menurut badan itu.

Timbalan Ketua Pengarah LPNM Mohd Khairuzamri M. Salleh berkata berdasarkan pemantauan pihaknya, Sarawak berpotensi besar menerokai penanaman nanas kerana keserasian tanahnya.

"Sarawak mempunyai tanah berbukit yang luas yang belum diteroka dan projek perintis nanas premium di Kampung Padang Pan telah menjadi bukti bahawa tanah di sini sangat sesuai untuk tanaman itu," katanya dalam temu bual eksklusif bersama Bernama semalam.

Beliau berkata di peringkat LPNM, mereka bertungkus-lumus menggiatkan usaha mempromosi dan memperkenalkan nanas jenis MD2 kepada masyarakat setempat.

"Permintaan nanas pada peringkat domestik (di Sarawak) tidak mempunyai masalah kerana kalau kita lihat di pasar raya tempatan, harga

nanas contohnya jenis Moris, Josapine dan Gandul boleh naik sehingga RM15 seki-lo (nanas bukan premium) dan penawaran tidak dapat memenuhi permintaan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata sehingga kini Malaysia menghadapi kekurangan dalam mengeksport nanas MD2 terutama ke China dan negara di Timur Tengah.

Khairuzamri berkata China memerlukan sebanyak 100 kontena sebulan manakala ketika ini, Malaysia hanya mampu membekalkan purata tujuh kontena dalam sebulan ke negara itu.

"Inilah peluang Sarawak. Kedudukan geografi negeri ini dengan China lebih dekat jika dibandingkan dengan semenanjung sekali gus dapat mempercepatkan tempoh penghantaran serta menjimatkan kos.

"Perjalanan dari Sarawak ke China hanya mengambil masa selama enam hari manakala jika dari semenanjung, ia mengambil masa selama 11 hari. Secara tidak langsung, nanas MD2 dari Sarawak mempunyai jang-

ka hayat dan boleh berada di pasaran China lebih lama dan berada dalam tahap kesegaran yang tinggi," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata cuma kerajaan negeri harus berikan fokus sedikit dari segi prasarana, logistik dan kemudahan di pelabuhan supaya semuanya berjalan lancar.

"Permintaan China itu pun bukan cakap kosong, ia mempunyai Perjanjian Persefahaman (MoU) dan ditandatangani oleh kerajaan Malaysia dan China pada 2017," tambahnya.

Sementara itu, menurut LPNM, pihak Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA) telah menyalurkan peruntukan yang agak besar bagi program pembangunan nanas di Sarawak.

Bagi Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020), Sarawak menerima peruntukan keseluruhan untuk sektor nanas sebanyak RM40 juta, iaitu RM25 juta untuk LPNM dan RM15 juta untuk Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu - Kalaka Saribas. -- BERNAMA

Headline	Sarawak poised to become premium pineapple hub		
MediaTitle	KL Screener (https://www.klsescreener.com)		
Date	02 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Sarawak poised to become premium pineapple hub

KUCHING: Sarawak, which contributes 98% of the country's black pepper, is now set to be the largest premium pineapple hub in the country.
It all began with the first Milie Dillard (MD2) pineapple project in the state that was carried out with the cooperat...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Sarawak poised to become Malaysia`s largest premium pineapple hub		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	02 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	62,583
Page No	10	Readership	187,749
Language	English	ArticleSize	592 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,073
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 24,219



Sarawak poised to become Malaysia's largest premium pineapple hub

KUCHING: Sarawak which contributes 98 per cent of the country's black pepper, is now poised to be the largest premium pineapple hub in the country.

It all began with the first Millie Dillard (MD2) pineapple project in the state with the cooperation of the Malaysian Pineapple Industry Board (MPIB) and a local entrepreneur in Kampung Padang Pan in Balingies, Bau with the aim of making the farm a model for other interested entrepreneurs.

With the opportunity available and the full support of the state government on developing the pineapple industry, Sarawak aims to raise acreage of the fruit to 3,500 hectares by 2020.

According to MPIB, the acreage of pineapple in the state in 2017 was 1,342 hectares with a total production of 38,025 tonnes valued at RM48.22 million.

The cultivation of pineapple in Sarawak is the second largest after Johor, according to the board.

MPIB deputy director-general Mohd Khairuzamri M Salleh said based on the board's monitoring, Sarawak is poised to be the largest pineapple producer in Malaysia.

"Sarawak has extensive hilly land which has not been cultivated and the premium pineapple pioneer project in Kampung Padang Pan has proved the land here is very suitable for growing the fruit," he said in an exclusive interview with Bernama recently.

He said at MPIB level, the board had put in enormous efforts to



Uggah (third right) shows one of products made from pineapple to Dr Abdul Rahman.

promote and introduce the MD2 pineapple to the local community.

"Demand for pineapple in Sarawak itself is strong as we can see the price of pineapples such as the Moris, Josapine and Gandul varieties (non-premium) at local supermarkets reaching RM15 per kilogramme and supply is unable to meet demand," he said.

In this regard, Khairuzamri said to date, Malaysia is having a hard time trying to accommodate MD2 pineapple orders for export to China and the Middle East.

He said China required 100 containers of the premium pineapple a month while Malaysia could only supply an average of seven containers a month to the country.

"This is an opportunity for Sarawak! The geographical position of the state to China is nearer compared to the peninsula and this will also speed up delivery and reduce cost.

"The shipping journey from Sarawak to China is only six days while from the peninsula, it is 11

days. Indirectly, MD2 pineapple will have a longer shelf life and can be marketed fresher to China," he said.

Commenting further, he said the state government should focus more on infrastructure, logistics and facilities at the port for smoother transportation and shipment.

"The demand from China is not empty talk as there was a Memorandum of Understanding (MoU) signed between the governments of Malaysia and China in 2017," he added.



Uggah holds the MD2 pineapple during the first harvest at Kampung Padang Pan in Balingies, Bau. On his left is Assistant Minister of Agriculture Dr Abdul Rahman Ismail.

According to MPIB, the Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MOA) has also provided substantial allocation for pineapple development programme in Sarawak.

Under the 11th Malaysia Plan

(11MP), Sarawak received an overall allocation of RM40 million for the pineapple sector comprising RM25 million for MPIB and RM15 million for the Kalaka-Saribas Integrated Agricultural Development Area in Sarawak. — Bernama

Headline	Pineapple production is insufficient for export		
MediaTitle	China Press		
Date	02 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	233,713
Page No	A8	Readership	1,076,000
Language	Chinese	ArticleSize	475 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,370
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,109



(古晋1日讯)

黄梨工业局副总监莫哈末凯鲁占里指出，我国目前的黄梨产量，难以应付出口到中国和西亚市场的订单。

他说，中国每月需要100个货柜的顶级黄梨，但我国的产量平均每月只能供应7个货柜。

“这是砂拉越的商机，该州的地理位置比起大马半岛更临近中国，这也能加快运输，以及降低成本。从砂拉越运输到中国只需6天，但大马半岛则需11天。这间接使得MD2黄梨有更长的保质期，可以保鲜地输入中国。”

推廣宣傳MD2黃梨

莫哈末凯鲁占里在接受马新社专访时说，砂州政府应专注发展基础设施建设、物流及港口设施，从而确保交通和货运顺畅。

“来自中国的需求并非空谈，因为大马与中国政府在2017年已签订谅解备忘录。”

黄梨工业局指出，农业及农基工业部也为砂州黄梨发展计划提供实质拨款支援。

在第11大马计划下，砂

中國每月需100個貨櫃

黃梨產量不足出口

拉越黄梨工业获得总额4000万令吉的拨款，分别是黄梨工业局2500万令吉，以及砂拉越加拉甲-沙里拔综合农业发展区1500万令吉。

该局指出，砂州是继柔佛之后，我国第二大的黄梨种植地。

根据该局的观察，砂州有潜力崛起成为大马最大黄梨生产地。

莫哈末凯鲁占里说：“砂州有广阔的未开拓丘陵地，而石隆门甘榜巴东班的顶级黄梨先锋计划已证明这里的土地非常适合黄梨生长。”

他说，该局在当地社区大力推广及宣传MD2黄梨。

“砂拉越本身对黄梨的需求很大，因为我们可以看到Moris、Josapine及Gandul等非顶级品种的黄梨，在本地超市售价高达每公斤15令吉，而且还供不应求。”



■砂州放眼在2020年将黄梨种植面积扩大至3500公顷。

砂拉越矢成最大黃梨生產地

胡椒生产量占比全国生产量98%的砂拉越，矢志成为国内最大的顶级黄梨生产枢纽。

一切从砂州与大马黄梨工业局(MPIB)合作推出首项MD2黄梨计划，以及石隆门甘榜巴东班一名本地企业家拓荒，放眼打造一个示范黄梨农场抛砖引玉开始做起。

基于黄梨工业的商机和州政府的全力支持，砂州放眼在2020年将黄梨种植面积扩大至3500公顷。

根据黄梨工业局的资料，砂州2017年的黄梨种植面积是1342公顷，产量达3万8025公吨，总值达4822万令吉。

Kebaikan industri sawit mampan

Desawarsa ini sering meniti dari bibir ke bibir manusia di segenap pelosok dunia mengenai Malaysia yang dikenali sebagai negara pengeksport minyak sawit mampan serta terkenal sebagai pembekal minyak sawit reputasi tinggi di seluruh dunia.

Minyak sawit mendapat permintaan yang tinggi sebagai minyak masak, ramuan marjerin dan untuk membuat pelbagai makanan diproses. Minyak sawit juga digunakan sebagai bahan terpenting dalam pembuatan sabun, serbuk cucian dan produk penjagaan diri serta suapan bio bahan api.

Apa yang penting, Malaysia sentiasa memberi komitmen dalam melaksanakan pengeluaran minyak sawit mampan melalui Amalan Pertanian Baik (GAP), Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO), *Codes of Practice (COP)* atau *International Sustainability and Carbon Certification Scheme (ISCC)*.

Kod amalan ini sememangnya memenuhi piawaian antarabangsa meliputi aspek keselamatan, kualiti, kebersihan, kesan alam sekitar dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GSG). Kod ini sebagai inisiatif bagi meyakinkan pengguna.

Program intervensi vitamin A yang dijalankan oleh Universiti Lanzhou dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di Lanzhou, China berjaya mengurangkan kejadian kekurangan vitamin A dalam kalangan kanak-kanak, pelbagai penyelidikan bio perubatan yang membuktikan minyak sawit adalah selamat dimakan dan tidak menjejaskan kesihatan.

Sabun pencuci berasaskan sawit diformulasi dengan bahan pencuci yang lembut dan tidak memberikan kesan kerengsaan kulit (terbiode-



**PEMENANG PERTAMA
KATEGORI 1 - PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH**

**Nur Adriana Shafiza
Mohd Shazali**
SMA Syubbaniah,
Batu Kurau, Perak

gredasi) dan mempunyai kuasa cucian aktif.

Selain itu, kawasan tanaman sawit negara menjangkau seluas 5.74 juta hektar dengan pengeluaran 17.31 juta pada 2016 dan 40 peratus daripada keluasan tanaman sawit dimiliki pekebun kecil.

Pada 2016, eksport produk sawit berjumlah RM67.6 bilion dan menyumbang kira-kira 8.6 peratus daripada jumlah eksport barangan negara. Malaysia mengeluarkan minyak sawit bersijil mampan lebih tinggi daripada kemampuan Eropah mengimport komoditi itu.

Industri sawit Malaysia adalah penyumbang keempat terbesar kepada ekonomi negara pada masa ini dan menyumbang sebanyak RM53 bilion kepada KDNK negara. Industri ini merentasi nilai dari ladang huluan ke pemprosesan hiliran. Malah minyak sawit akan kekal sebagai penyumbang utama ekonomi Malaysia untuk 10 tahun akan datang.

Ini disebabkan terdapat

pelbagai kelebihan utama termasuk permintaan secara relatif yang meningkat di dunia berbanding barangan pengganti.

Pengeluaran minyak sawit terus meningkat untuk setiap hektar berbanding pesaingnya, kelebihan yang ketara dalam hasil dan kualiti berbanding negara pengeluar lain seperti Indonesia dan persekitaran regulatori yang kondusif. Ini akan dilengkapi dengan produktiviti yang lebih baik melalui mekanisasi dan kehadiran teguh dalam segmen hiliran yang menguntungkan.

Bahkan pelbagai teknologi ditawarkan MPOB merangkumi pelbagai segmen industri sawit bagi membantu meningkatkan produktiviti, menambah baik operasi dan meluaskan kegunaan sawit. Teknologi baharu yang ditawarkan untuk pengkomersialan merangkumi pengurusan perladangan, bioteknologi dan biak baka, pengilangan dan pemprosesan, penjenteraan ladang, teknologi makanan dan fitonutrien.

Terdapat juga tiga pemboleh utama yang diwujudkan termasuk penambahan jumlah kursus universiti dan siswazah dalam kejuruteraan kimia, kejuruteraan bio dan kursus berkaitan bagi memenuhi permintaan hampir 80,000 kakitangan mahir melanjutkan program Brain Gain Malaysia kepada diaspora Malaysia yang merupakan saintis pemakanan dan pakar pemasaran barangan pengguna di syarikat hiliran makanan dan bukan makanan utama peringkat global.

Ia dapat mengurangkan jumlah pengangguran, sekali gus negara dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara maju yang lain serta dapat bersaing di pentas global.